# Pameran Kerjaya PSA fokus penempatan latihan praktikal

BH
7 SEPTEMBER '17




[FOTO NORZAMIRA CHE NOH/BH]

*Dr James (lapan dari kiri) dan Tajuddin (tujuh dari kiri) bersama wakil syarikat yang menandatangani sijil kerjasama bersempena dengan Karnival Kerjaya PSA.*

**Shah Alam:** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) menjalinkan usaha sama dengan 20 pihak industri melalui program Pameran Kerjaya PSA dan Majlis Menandatangani Sijil Kerjasama di sini, baru-baru ini.

Inisiatif itu bertujuan memberi lebih banyak peluang pendedahan dan latihan kepada pelajar bagi memastikan mereka dilengkapi kemahiran menepati kehendak industri.

Pengarah PSA, Tajuddin Abdul Rashid, berkata pameran kerjaya kali ini lebih memfokus kepada program penempatan latihan praktikal untuk pelajar yang dikenali dengan nama Structured Internship Program (SIP).

### Kekal relevan

"SIP menyediakan peluang latihan praktikal kepada pelajar PSA, sekali gus menekankan pembangunan pengetahuan atau kemahiran tertentu.

"Objektif utama SIP ialah memperkenalkan pelajar dengan dunia pekerjaan lebih awal supaya mereka membuat persediaan untuk kekal relevan dalam industri.

"Selain itu, menghasilkan lebih ramai graduan berkemahiran tinggi dan menggalakkan industri mereka bentuk program latihan praktikal berstruktur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian pameran kerjaya itu yang disempurnakan oleh Presiden The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM), Tan Sri Dr James Alfred.

### Minat tinggi

Melalui SIP, Tajuddin berkata, pihak industri berpeluang melatih pelajar antara enam bulan hingga setahun sebelum mengambil mereka menjadi pekerja tetap di organisasi masing-masing.

"Fokus utama SIP ialah penempatan praktikal pada semester akhir dan pelajar terbabit berpeluang bekerja sebaik sahaja tamat menjalani program itu.

"Pada masa sama, kita akan memastikan pelajar terpilih mengikuti SIP adalah yang berpotensi dan mempunyai minat tinggi untuk terus bekerja sebaik menamatkan program SIP serta pengajian di PSA," katanya.

**info**

**Pameran Kerjaya PSA**

→ **Antara aktiviti dijalankan** ialah sesi temu duga kerja, bicara industri dan pameran projek pelajar
→ **Lebih 1,000 pelajar** PSA daripada pelbagai jurusan pengajian mengambil bahagian